

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2011

Semua Dekan / Ketua Jabatan

Universiti Malaysia Pahang

Kuantan, Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt. dan Salam Sejahtera

YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

PEMBAYARAN PERBELANJAAN MENGGUNAKAN ARAHAN PERBENDAHARAAN 58 (AP58) – PEMBAYARAN YANG MEMERLUKAN KEBENARAN KHAS

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) berhubung Pembayaran Perbelanjaan Menggunakan Arahan Perbendaharaan 58 (AP58) – Pembayaran Yang Memerlukan Kebenaran Khas.

LATARBELAKANG

2.1 AP58 adalah merupakan tatacara pembayaran bagi perolehan sesuatu bekalan, perkhidmatan atau kerja yang dipesan, dibekalkan pada tahun sebelumnya dan pembayaran dibuat menggunakan peruntukan mengurus tahun semasa. Penggunaan AP58 yang tidak dikawal dan dipantau boleh menjejaskan peruntukan tahun semasa serta menimbulkan implikasi kepada perancangan tahun semasa.

2.2 Hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) bil. 4/2011 bertarikh 03 November 2011 bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, beliau menyarankan agar semua IPTA tidak membuat pembayaran menggunakan AP58.


2.3 Sehubungan dengan itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlulah memastikan semua inbois dan tuntutan dimajukan kepada Jabatan Bendahari sebelum **15 Januari 2012** untuk direkodkan dalam Penyata Kewangan 2011 bagi mengelakkan pembayaran menggunakan AP58.

Kerjasama semua pihak adalah diharapkan dan sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari

Universiti Malaysia Pahang

Salinan kepada :

- 1) Y.H. Profesor Dato' Dr. Naib Canselor
- 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
- 3) Ketua Juruaudit Dalam